

**Persidangan Menteri Penerangan Islam Bermula Di Libreville  
Bernama  
17 April , 2012  
Oleh Zuriati Zulmi**

LIBREVILLE (Gabon), 17 April (Bernama) -- Maklumat mengenai Islam dan peranannya dalam menggalakkan dialog dan membetulkan imej salah yang dikaitkan dengan Islam akan dibincangkan pada sesi kesembilan Persidangan Menteri-Menteri Penerangan Islam (ICIM) yang bermula di sini Selasa.

Penganjur persidangan itu berkata perbincangan juga akan bertumpu pada penstrukturan semula Agensi Berita Islam Antarabangsa dan Kesatuan Penyiaran Islam serta kemungkinan melancarkan saluran televisyen Islam.

Menteri-menteri yang berhimpun di ibu negara Gabon ini juga kemungkinan akan menyentuh mengenai apa yang disifatkan sebagai tindakan media luar menerusi pembangunan pelan maklumat komprehensif dengan input daripada negara anggota dan duta-duta di ibu negara utama di seluruh dunia.

Gabon, terletak di tengah-tengah barat Afrika, menjadi tuan rumah persidangan itu buat julung kalinya yang akan berlangsung sehingga 20 April.

Topik lain yang dijangka dibincangkan pada persidangan Libreville ialah cadangan melaksanakan program penerangan untuk menonjolkan kedudukan dan peranan benua Afrika dalam dunia Islam.

Selain itu, peserta persidangan juga akan meneliti peranan maklumat dalam menyokong perjuangan penduduk Palestin.

Sementara itu, Presiden Gabon Ali Bongo Ondimba berkata persidangan itu mempunyai beberapa agenda penting yang mustahak ditonjolkan.

Beliau menggambarkan Gabon sebagai terletak di tengah-tengah Afrika dan sebuah negara yang kaya dengan sejarah, pelbagai kebudayaan dan rakyatnya.

"Ia sebuah negara yang bersifat terbuka dengan keikhlasan dan penerimaan terhadap seluruh dunia Islam," katanya dalam kata-kata aluan yang diterbitkan menjelang persidangan itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659813>